

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG**  
**[ALOR GAJAH]**

**TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani jurang pendapatan antara golongan berpendapatan tinggi dan berpendapatan rendah di negara ini. Adakah Kerajaan akan menyelaraskan semula Paras Garis Kemiskinan (PGK) seiring dengan kos sara hidup rakyat yang meningkat.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dapatan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (PPPIR) 2014 menunjukkan pekali Gini semakin berkurangan daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.431 pada tahun 2012 dan seterusnya kepada 0.401 pada tahun 2014. Nisbah ketaksamaan pendapatan di antara kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi juga berkurangan daripada 1:6.94 kepada 1:6.58 dan seterusnya 1:5.64 dalam tempoh yang sama.

Bagi memastikan jurang pendapatan rakyat ditangani secara berterusan, Kerajaan akan meneruskan prinsip dan pendekatan pembangunan secara inklusif sepertimana yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Tumpuan akan terus diberikan untuk meningkatkan penyertaan isi rumah B40 tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi dalam aktiviti ekonomi. Inisiatif utama termasuk:

- **Pertama: Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40** dengan membesarkan saiz masyarakat kelas menengah; mengurangkan kadar keciciran pelajar dalam kalangan isi rumah B40; memastikan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi; meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden; meningkatkan penggunaan

teknologi maklumat dan komunikasi; meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu; membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial; menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti isi rumah B40; dan memperluas program pelaburan bagi meningkatkan pemilikan kekayaan; dan

- **Kedua: Menangani kos sara hidup yang meningkat** dengan memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga; meningkatkan penyediaan rumah mampu milik; meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan; memperkenalkan sistem jaringan perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif; dan meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang.

Selain daripada itu, Kerajaan juga turut melaksanakan pelbagai program lain seperti dana Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Program KWAPM adalah bagi membolehkan anak-anak golongan ini hadir dan belajar di sekolah. Turut diberi keutamaan adalah usaha peningkatan akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang diguna pakai oleh Malaysia merupakan pengukuran yang berasaskan kepada konsep kemiskinan mutlak (*absolute poverty*) yang menjadi amalan kebanyakan negara membangun. Ia adalah berasaskan konsep keperluan asas minimum isi rumah untuk memenuhi keperluan makanan dan bukan makanan bagi

mbolehkan isi rumah berkenaan aktif dan produktif dalam masyarakat.

Model PGK ini dikaji semula dari semasa ke semasa supaya mencerminkan situasi dan kos kehidupan semasa. Sebagai makluman, model PGK yang digunakan pada masa kini adalah berasaskan kepada metodologi 2005 yang telah dikaji semula secara komprehensif dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP) serta Bank Dunia berlandaskan tafsiran dan pengukuran yang selaras dengan amalan antarabangsa. Ia seterusnya disesuaikan dengan keperluan dan keadaan di negara kita. PGK terkini berdasarkan data Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (PPPIR) 2014 adalah seperti berikut:

Wilayah	PGK (RM)					
	Miskin			Miskin Tegar		
	2012	2014	%	2012	2014	%
Semenanjung	830	930	5.6	520	580	5.5
Sabah & Labuan	1,090	1,170	3.6	660	710	3.7
Sarawak	920	990	3.7	600	660	4.9
<b>MALAYSIA</b>	<b>850</b>	<b>950</b>	<b>5.1</b>	<b>540</b>	<b>600</b>	<b>5.4</b>

Sekian. Terima kasih.